

MESYUARAT AGONG TAHUNAN BAKAT 2018 PANGKALAN UDARA KUANTAN

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3090-mesyuarat-agong-tahunan-bakat-2018-pangkalan-udara-kuantan

KUANTAN, 24 Feb 18 – Mesyuarat Agong Tahunan BAKAT bagi Pangkalan Udara Kuantan telah dirasmikan oleh Komander Pangkalan, YBhg Kol Wan Amin Hafiz bin Wan Mahmud TUDM dan turut dihadiri Ketua Cawang Tadbir Pangkalan Udara Kuantan.

Setelah selesainya majlis perasmian dan jamuan makan, Mesyuarat Agong Tahunan yang dipengerusikan oleh YBhg Puan Suhana binti Ahmad Din telah dimulakan pada jam 0930.

Mesyuarat dimulakan dengan membentang dan meluluskan minit mesyuarat yang lepas, diikuti dengan usul perkara-perkara yang berbangkit, pembentangan kewangan oleh Bendahari dan seterusnya diikuti dengan pembubaran Ahli Jawatankuasa lama dan perlantikan Ahli Jawatankuasa baru. Perancangan aktiviti bagi tahun 2018 turut dibincangkan serta pembentangan Projek Kominiti daripada Mej Hisam TUDM selaku Pegawai Projek Komuniti Pangkalan dan diakhiri dengan sesi dialog.

Mesyuarat Agong Tahunan telah diteruskan lagi dengan penyampaian sijil dan cenderamata kepada Biro 2017. Majlis diakhiri dengan sesi bergambar oleh YBhg Puan Suhana binti Ahmad Din bersama-sama Ahli-ahli BAKAT yang hadir.



